

## MENELUSURI PELAKSANAAN PERINTAH BERSALING DI MAHKAMAH SYARIAH WILAYAH PERSEKUTUAN: TINJAUAN AWAL

### THE IMPLEMENTATION OF RECIPROCAL ORDERS IN THE SYARIAH COURTS OF THE FEDERAL TERRITORIES: A PRELIMINARY REVIEW

<sup>i</sup>\*Mohd Fariq Azaimi Apandi, <sup>i</sup>Wan Abdul Fattah Wan Ismail

<sup>i</sup>\*Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, Malaysia

<sup>\*</sup>(Corresponding Author): [fariqazaimi85@gmail.com](mailto:fariqazaimi85@gmail.com), [wanfattah@usim.edu.my](mailto:wanfattah@usim.edu.my)

#### ABSTRAK

Perintah bersaling merupakan satu mekanisme penting dalam mengukuhkan keberkesanan penguatkuasaan keputusan Mahkamah Syariah antara negeri-negeri di Malaysia. Walaupun konsep ini telah diperuntukkan dalam undang-undang pentadbiran Mahkamah Syariah, pelaksanaannya masih berdepan pelbagai cabaran, khususnya dari sudut prosedur, tahap kefahaman pihak berautoriti serta kemudahan pentadbiran yang tidak seragam. Artikel ini bertujuan untuk meninjau pelaksanaan perintah bersaling secara asas melalui kerangka perundangan sedia ada dan amalan semasa yang boleh dijadikan panduan, seterusnya menuntut perhatian ke arah usaha penambahbaikan. Kajian ini memberikan gambaran awal yang boleh dijadikan asas perbincangan lanjut dalam seminar akademik serta platform penyelidikan berkaitan bidang kehakiman Syariah di Malaysia.

**Kata Kunci:** *Perintah, Bersaling, Perintah Bersaling, Mahkamah Syariah*

#### ABSTRACT

*Reciprocal orders constitute an important mechanism in strengthening the effectiveness of enforcing Syariah Court decisions across the states in Malaysia. Although this concept is provided for under the administrative laws governing the Syariah Courts, its implementation continues to face various challenges, particularly in terms of procedural aspects, the level of understanding among the relevant authorities, and the lack of uniformity in administrative facilities. This article aims to provide a preliminary examination of the implementation of reciprocal orders through the existing legal framework and current practices that may serve as guidance, thereby drawing attention to the need for improvement. The study offers an initial overview that may serve as a basis for further discussion in academic seminars and research platforms related to the Syariah judiciary in Malaysia.*

**Keyword (s):** *Order, Reciprocal, Reciprocal Order, Syariah Court*

#### Pendahuluan

Perlembagaan Persekutuan telah memperuntukkan bidang kuasa Mahkamah Syariah adalah termasuk di bawah Senarai Negeri yang mana segala urusan dan pentadbirannya adalah tertakluk kepada badan perundangan sesuatu negeri tersebut. Berdasarkan kepada kuasa yang diberikan oleh Perlembagaan Persekutuan ini, maka Mahkamah Syariah ditubuhkan di bawah Akta/Enakmen Pentadbiran Islam Negeri yang diwujudkan oleh Badan Perundangan Negeri

tersebut. Ini bermaksud bidang kuasa Mahkamah Syariah sesuatu negeri adalah terhad di dalam negeri tersebut sahaja. Bagi mengatasi kekangan ini, pindaan telah dilakukan ke atas Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 pada tahun 2016 dengan memasukkan peruntukan baharu yang dikenali sebagai “Tindakan Bersaling”. Peruntukan ini bertujuan memberikan kuasa kepada Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan untuk melaksanakan atau menyampaikan saman, waran, perintah atau penghakiman yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah di negeri-negeri lain, sekali gus memperkukuhkan keberkesanan bidang kuasa dan pentadbiran keadilan Syariah merentas sempadan negeri.

Penulisan artikel ini bertujuan untuk menelusuri konsep dan asas perintah bersaling melalui tinjauan terhadap peruntukan undang-undang, menganalisis bidang kuasa Mahkamah Syariah dalam mengeluarkan serta melaksanakan perintah bersaling, dan menilai amalan pelaksanaannya di Mahkamah Syariah. Diharapkan penulisan ini dapat menyumbang kepada pemahaman yang lebih jelas mengenai pelaksanaan perintah bersaling dalam sistem kehakiman Syariah serta mencadangkan penambahbaikan bagi memperkukuhkan keberkesanan sistem keadilan Syariah di Malaysia.

### **Definisi Perintah dan Bersaling**

Perintah dari segi bahasa bermaksud kata yang menyuruh (mengarah) melakukan sesuatu, arahan atau suruhan. Perintah juga boleh diertikan sebagai peraturan daripada kerajaan atau pihak yang berkuasa yang harus dipatuhi. Jika dilihat dari sudut perundangan, perintah dari segi pengertiannya merupakan arahan-arahan yang dibuat di mahkamah dalam sesuatu prosiding atau hal, selain suatu dekri penghakiman. Dengan kata lain, perintah ialah apa-apa arahan oleh mana-mana penghakiman supaya melakukan atau meninggalkan apa-apa perbuatan. Perintah atau penghakiman mahkamah hakikatnya merupakan suatu arahan rasmi daripada mahkamah yang memberikan keputusan atau hukuman dari sesuatu perbicaraan atau permohonan oleh mana-mana pihak. Ia merupakan dokumen rasmi dan wajib dipatuhi oleh pihak yang dirujuk di dalam perintah atau penghakiman tersebut.

Bersaling pula adalah diambil dari kata dasar saling yang bermaksud “kata yg menunjukkan sesuatu perbuatan dilakukan oleh dua pihak secara berbalas-balasan; ~ bantu-membantu, ber-tolong bantu; kesalingan perihal (keadaan, sifat dsb) ber-balas-balas antara dua pihak: kebersamaan dan ~ ini sentiasa merupakan wajah fungsio-nalisme dlm kehidupan manusia dan jalinan perwatakan suatu karya”. Bersaling yang juga diistilahkan sebagai ‘reciprocal’ bererti “action or arrangement involves two people or groups of people who behave in the same way or agree to help each other and give each other advantages” yang bermaksud tindakan atau pengaturan melibatkan dua orang atau kumpulan orang yang berkelakuan dengan cara yang sama atau bersetuju untuk membantu antara satu sama lain dan memberi kelebihan antara satu sama lain. Oleh yang demikian, definisi bersaling itu dapat dirumuskan sebagai satu tindakan yang dibuat oleh satu pihak kepada pihak yang lain dan pihak kedua tersebut akan melaksanakan tindakan itu seperti mana yang dikehendaki oleh pihak yang mengeluarkan tindakan tersebut.

### **Maksud Perintah Bersaling**

Tiada maksud khas yang menyatakan berkenaan perintah bersaling dalam mana-mana tafsiran perundangan sama ada syariah mahupun sivil. Ianya hanyalah merupakan gabungan dua perkataan iaitu perintah dan bersaling yang menunjukkan satu tindakan bersaling yang dibuat ke atas perintah yang telah dikeluarkan oleh mana-mana mahkamah. Undang-undang syariah hanya memperuntukkan mengenai tindakan bersaling sahaja tanpa menghuraikan dengan lebih lanjut berkenaan konsep dan definisi perintah bersaling. Tindakan bersaling ini adalah

merupakan satu tindakan di mana perintah yang telah dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah sesuatu negeri disalingkan kepada Mahkamah Syariah negeri yang lain untuk dikuatkuasakan dan dilaksanakan. Tindakan ini dibuat apabila salah satu pihak yang terdapat di dalam perintah tersebut didapati berada atau dipercayai berada di negeri yang lain. Ianya dibuat agar perintah yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah yang asal turut dapat dilaksanakan di Mahkamah Syariah negeri yang disalingkan seolah-olah perintah tersebut dikeluarkan oleh mahkamah yang asal.

Justeru, perintah bersaling, atau *reciprocal order* ini dapat diertikan sebagai suatu mekanisme pengiktirafan terhadap perintah yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah di satu negeri, untuk dilaksanakan atau disampaikan di negeri lain, seolah-olah ia adalah perintah yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah negeri berkenaan. Perintah Bersaling juga boleh dikatakan sebagai satu bentuk kerjasama antara Mahkamah Syariah negeri-negeri di Malaysia yang membolehkan sesuatu perintah dilaksanakan merentasi sempadan negeri dengan cara yang sah dan teratur melalui proses pengendorsan.

### **Bidang Kuasa Mahkamah Syariah Dalam Melaksanakan Perintah Bersaling**

Perlembagaan Persekutuan telah memperuntukkan bidang kuasa Mahkamah Syariah adalah termasuk di bawah Senarai Negeri yang mana segala urusan dan pentadbirannya adalah tertakluk kepada Badan Perundangan sesuatu Negeri tersebut dan diperkukuhkan melalui Jadual Kesembilan, Senarai 2 Senarai Negeri, dalam Perlembagaan Persekutuan. Berdasarkan kepada kuasa yang diberikan oleh Perlembagaan Persekutuan ini, maka Mahkamah Syariah dapat ditubuhkan di bawah Akta/Enakmen Pentadbiran Islam Negeri yang diwujudkan oleh Badan Perundangan Negeri tersebut. Pewujudan Mahkamah Syariah ini juga memberi maksud bahawa bidang kuasa Mahkamah Syariah adalah terhad di dalam negeri tersebut sahaja. Bidang kuasa ini dapat dilihat berdasarkan Akta/Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri. Sebagai contoh, Seksyen 4 Akta Undang-Undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan 1984 memperuntukkan:

*“Kecuali sebagaimana diperuntukkan dengan nyata selainnya, Akta ini terpakai bagi semua orang Islam yang tinggal dalam Wilayah Persekutuan dan bagi semua orang Islam yang bermastautin dalam Wilayah Persekutuan tetapi tinggal di luar Wilayah Persekutuan.”*

Berdasarkan peruntukan di atas, dapat difahami bahawa Mahkamah Syariah di Wilayah Persekutuan hanya mempunyai bidang kuasa untuk mendengar permohonan yang mana pemohon tersebut hendaklah orang Islam yang tinggal di dalam Wilayah Persekutuan ataupun yang bermastautin di dalam Wilayah Persekutuan tetapi tinggal di luar Wilayah Persekutuan. Ini bermakna pemohon yang tinggal dan bermastautin di luar Wilayah Persekutuan tidak boleh memfailkan permohonan di Wilayah Persekutuan.

Istilah ‘tinggal’ di dalam Wilayah Persekutuan ini membawa maksud seseorang itu hendaklah menjadi rakyat bagi negeri di mana kawasan itu berada. Dengan erti kata lain, seseorang itu hendaklah memiliki alamat dan kad pengenalan yang menunjukkan bahawa beliau adalah warga bagi negeri tersebut. Manakala istilah ‘bermastautin’ pula ertinya tinggal tetap atau pada kelazimannya tinggal dalam sesuatu kawasan yang tertentu. Seseorang itu dikatakan bermastautin apabila dia mempunyai alamat tempat tinggal di dalam negeri tersebut walaupun pada asalnya dia memiliki alamat dan kad pengenalan negeri lain. Sebagai contoh, jika seseorang itu memiliki kad pengenalan yang beralamat di Selangor namun menyewa di Wilayah Persekutuan disebabkan bekerja, berniaga atau apa-apa sebab lain yang membolehkan dia tinggal di Wilayah Persekutuan, maka dia dikatakan bermastautin di Wilayah Persekutuan.

Ini dapat dilihat dalam kes *Sharifah Laila bte Syed Shamdin lwn. Abdul Latif bin Arshad*, di mana Yang Arif Hakim Mahkamah Tinggi Syariah telah menolak permohonan Pemohon untuk mendapatkan mut'ah, harta sepencarian dan nafkah 'iddah atas alasan Pemohon tidak tinggal atau bermastautin di Selangor kerana alamat yang diberi olehnya ialah di Singapura. Pemohon seterusnya membuat rayuan ke Mahkamah Rayuan Syariah dan diputuskan bahawa Mahkamah Tinggi Syariah berbidang kuasa untuk mendengar dan memutuskan tuntutan Pemohon dengan alasan:

*“Tafsiran bermastautin tadi juga hanya mensyaratkan seseorang itu tinggal tetap dalam sesuatu kawasan atau pada lazimnya tinggal di sesuatu kawasan, tidak disyaratkan hendaklah menjadi rakyat negeri di mana kawasan itu berada. Perayu telah berjaya membuktikan bahawa ia tinggal tetap atau pun kelazimannya tinggal di rumah No. 108, Jalan Rasmi, Taman Rasmi Jaya, Ampang Jaya, Selangor beberapa tahun sebelum berlaku talaq, sehingga berlaku talaq di rumah tersebut, malahan beberapa bulan selepas berlaku talaq, sehinggalah rumah tersebut disewa oleh pihak Responden tanpa izin pihak Perayu.”*

Begitu juga di dalam kes *Maidatul Shireen Bt Mior Roslan lwn. Mohd Shahriza Bin Amir Sharifuddin*, Hakim Mahkamah Tinggi Syariah telah menolak permohonan Plaintiff walaupun Plaintiff mempunyai Surat Akuan Pengesahan Permastautinan. Ini kerana semasa keterangannya, Plaintiff mengaku bahawa Plaintiff tidak lagi tinggal di alamat seperti yang dinyatakan di dalam surat pengesahan tersebut dan Plaintiff telah berpindah ke negeri lain. Justeru, berdasarkan kepada huraian di atas dapat difahami bahawa Mahkamah Syariah hanya berbidang kuasa untuk mendengar, membicarakan dan memutuskan apa-apa kes yang berada di negeri tersebut sahaja. Ini juga bermakna sesuatu keputusan atau hukuman yang dikeluarkan itu hanya boleh dilaksanakan di negeri tersebut sahaja dan tidak boleh dilaksanakan di negeri lain kecuali dengan perintah bersaling.

### **Amalan Pelaksanaan Perintah Bersaling Di Mahkamah Syariah**

Pelaksanaan perintah bersaling di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan dilaksanakan berdasarkan peruntukan *Seksyen 57A Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993* yang menyatakan seperti berikut:

**57A (1)** *Jika Mahkamah Syariah di dalam mana-mana Negeri di Malaysia mengeluarkan waran atau saman, mengikut mana-mana yang berkenaan, di bawah mana-mana undang-undang Negeri itu untuk dilaksanakan terhadap atau disampaikan kepada mana-mana orang yang berada atau dipercayai berada di dalam Wilayah-Wilayah Persekutuan, mana-mana Hakim Syarie boleh mengendors waran atau saman itu dengan menandatangani dan waran atau saman itu boleh dilaksanakan terhadap atau disampaikan kepada orang itu seolah-olah waran atau saman itu telah dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah di dalam Wilayah-Wilayah Persekutuan mengikut peruntukan Akta ini.*

**(2)** *Jika Mahkamah Syariah di dalam Wilayah-Wilayah Persekutuan mengeluarkan waran yang memberikan kuasa untuk menangkap mana-mana orang atau saman yang memanggil mana-mana orang*

*supaya hadir di suatu Mahkamah Syariah, dan orang itu berada atau dipercayai berada di dalam Negeri lain di Malaysia dan waran atau saman itu dilaksanakan terhadap atau disampaikan kepada orang itu mengikut mana-mana undang-undang Negeri itu, waran atau saman itu hendaklah, bagi maksud Akta ini, disifatkan telah dilaksanakan atau disampaikan dengan sewajarnya seolah-olah pelaksanaan atau penyampaian itu telah dilaksanakan atau disempurnakan di dalam Wilayah-Wilayah Persekutuan.*

*(3) Jika Mahkamah Syariah di dalam mana-mana Negeri di Malaysia membuat suatu perintah atau penghakiman di bawah mana-mana undang-undang Negeri itu terhadap seseorang dan orang itu berada atau dipercayai berada di dalam Wilayah-Wilayah Persekutuan, Hakim Syarie, jika dia berpuas hati bahawa perintah atau penghakiman itu telah dikeluarkan dengan sewajarnya oleh suatu Mahkamah Syariah yang berwibawa di dalam mana-mana Negeri di Malaysia, boleh mengendors perintah atau penghakiman itu dan perintah atau penghakiman itu bolehlah dilaksanakan atau disampaikan, mengikut mana-mana yang berkenaan, seolah-olah perintah atau penghakiman itu telah dikeluarkan dengan sah oleh mana-mana Mahkamah Syariah di dalam Wilayah-Wilayah Persekutuan mengikut peruntukan Akta ini.*

*(4) Jika Mahkamah Syariah di dalam Wilayah-Wilayah Persekutuan membuat suatu perintah atau penghakiman terhadap mana-mana orang atau suatu perintah yang memanggil mana-mana orang supaya hadir di suatu Mahkamah Syariah dan orang itu berada atau dipercayai berada di dalam Negeri lain di Malaysia dan perintah atau penghakiman itu dilaksanakan terhadap atau disampaikan kepada orang itu mengikut mana-mana undang-undang Negeri itu, perintah atau penghakiman itu hendaklah, bagi maksud Akta ini, disifatkan telah dilaksanakan atau disampaikan dengan sewajarnya seolah-olah pelaksanaan atau penyampaian itu telah dilaksanakan atau disempurnakan di dalam Wilayah-Wilayah Persekutuan.”*

Berdasarkan peruntukan di atas, dapat difahami bahawa pelaksanaan tindakan bersaling ini berlaku dalam beberapa keadaan iaitu:

1. Jika Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan mengeluarkan apa-apa saman, waran, perintah atau penghakiman kepada mana-mana pihak yang berada di negeri lain, Mahkamah Syariah negeri tersebut boleh mengendors dokumen tersebut untuk dilaksanakan atau disampaikan kepada pihak yang terlibat di negeri tersebut.
2. Jika Mahkamah Syariah negeri lain mengeluarkan apa-apa saman, waran, perintah atau penghakiman kepada pihak-pihak yang berada di Wilayah Persekutuan, Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan boleh mengendors dokumen tersebut untuk dilaksanakan atau disampaikan kepada pihak yang terlibat di Wilayah Persekutuan.

Namun begitu, peruntukan ini dilihat begitu terhad apabila hanya menyatakan setakat mana-mana Mahkamah Syariah sesuatu negeri hanya boleh mengendors apa-apa dokumen yang diterima atau menerimapakai pengendorsan yang dibuat oleh mana-mana Mahkamah Syariah negeri yang lain. Tiada penjelasan lain dalam mana-mana bahagian undang-undang yang menerangkan secara terperinci berkenaan tatacara dan proses yang perlu dilaksanakan dalam melaksanakan perintah bersaling. Sehubungan dengan itu, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) telah mengambil inisiatif dengan mengeluarkan Arahan Amalan Mahkamah Syariah bagi memberi panduan berhubung proses dan tatacara yang boleh digunakan dalam melaksanakan perintah bersaling di antara Mahkamah Syariah negeri-negeri.

Arahan Amalan JKSM adalah suatu dokumen bertulis yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah JKSM atau Ketua Hakim Syarie berkaitan dengan prosedur atau polisi yang mana ia perlu diikuti dan dipatuhi walaupun tidak berstatus undang-undang. Arahan Amalan ini merupakan suatu pendekatan baru yang telah mula diperkenalkan pada tahun 2000 yang dipercayai dapat mengatasi permasalahan ketidakseragaman pentadbiran dan kehakiman yang wujud di Mahkamah Syariah sejak sekian lama. JKSM telah mengambil langkah menyediakan satu pelan tindakan dengan mengeluarkan Arahan Amalan dari masa ke semasa yang merangkumi pelbagai prosedur kehakiman. Pemakaian Arahan Amalan ini dapat mengatasi permasalahan ketidakseragaman pentadbiran dan amalan proses kehakiman yang wujud di Mahkamah Syariah. Implikasi pewujudan Arahan Amalan di Mahkamah Syariah adalah supaya dapat menyejajarkan penyelesaian kes, menyeragamkan pentadbiran Mahkamah Syariah, menyediakan kemudahan rujukan kepada para hakim untuk melaksanakan proses kehakiman dan sebagainya bagi mencapai objektif *maqasid al-Syari'ah*.

Arahan Amalan Mahkamah Syariah telah diselaraskan melalui JKSM dan untuk memastikan ianya dikuatkuasakan di peringkat negeri, maka Ketua Hakim Syarie Negeri perlu mengendorskannya terlebih dahulu di negeri masing-masing. Pengendorsan oleh Ketua Hakim Syarie negeri merupakan sumber autoriti di Mahkamah Syariah untuk memastikan ianya diterima pakai di peringkat negeri. Jika tidak diendorskan, maka Arahan Amalan tersebut tidak akan terpakai atau berkuatkuasa di negeri tersebut. Menurut Tan Sri Sheikh Ghazali Abdul Rahman, Arahan Amalan telah dijadikan sumber autoriti selain daripada akta ataupun enakmen negeri setelah diendorskan pemakaiannya. Ini bermakna pengendorsan oleh Ketua Hakim Syarie merupakan titik tolak kepada pemakaian Arahan Amalan di setiap negeri.

Dalam sejarah penyediaan Arahan Amalan melibatkan perintah bersaling, terdapat beberapa Arahan Amalan yang dikeluarkan oleh JKSM yang berkaitan dengannya iaitu Arahan Amalan No. 10 Tahun 2005 yang bertajuk “*Pengendorsan Perintah Bersaling*”, Arahan Amalan No. 1 Tahun 2012 bertajuk “*Prosedur Kerja dan Carta Aliran Pengurusan Akaun Deposit bagi Perintah Bersaling di Mahkamah Syariah Negeri Seluruh Malaysia*” dan Arahan Amalan No. 4 Tahun 2021 yang bertajuk “*Garis Panduan Permohonan Dan Pelaksanaan Penyampaian Tindakan Bersaling Bagi Perintah Dan Penghakiman Dalam Kes Mal*”.

### **Pemakaian Arahan Amalan No. 10 Tahun 2005**

Arahan Amalan No. 10 Tahun 2005 ini menyatakan berkenaan prosedur pengendorsan perintah bersaling yang perlu dibuat dalam mengendalikan perintah bersaling di Mahkamah Syariah. Pemakaian Arahan Amalan ini adalah sebagaimana keputusan mesyuarat Arahan Amalan seperti yang berikut:

*“Saya ingin menarik perhatian Y.A.A kepada keputusan Mesyuarat Arahan Amalan Mahkamah Syariah seluruh Malaysia Bil. 1 Tahun 2005 pada 10hb-12hb April 2005 bersamaan 1hb-3hb Rabiulawal 1426H di Shah Alam,*

*Selangor telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai arahan amalan prosedur pengendorsan perintah bersaling adalah seperti berikut:*

- (i) Perintah bersaling tidak boleh terlaksana di negeri-negeri yang belum mewartakan Akta/Enakmen/Ordinan yang berkaitan;*
- (ii) Permohonan untuk mengendorskan perintah bersaling hendaklah dikemukakan oleh Pemohon ke Mahkamah yang mengeluarkan perintah tersebut;*
- (iii) Setelah menerima permohonan, Mahkamah yang mengeluarkan perintah hendaklah menyampaikan Perintah tersebut kepada Mahkamah yang berkompeten di mana seseorang yang dimaksudkan dalam perintah tersebut berada atau dipercayai berada untuk tujuan pengendorsan;*
- (iv) Mahkamah yang menerima perintah tersebut, boleh mengendorskannya dan berbidang kuasa menyampai dan melaksanakannya seolah-olah perintah tersebut dikeluarkan oleh Mahkamah itu sendiri.*

*Huraian: Perintah termasuklah saman, waran, dan penghakiman.”*

Berdasarkan pemakaian Arahan Amalan di atas, dapat difahami bahawa permohonan untuk melaksanakan perintah bersaling di negeri lain hendaklah dibuat di mahkamah yang telah mengeluarkan perintah asal. Setelah menerima permohonan dan berpuashati, mahkamah yang mengeluarkan perintah asal hendaklah mengeluarkan perintah bersaling dan menyampaikan perintah tersebut ke mahkamah negeri yang kompeten untuk melaksanakan perintah tersebut selepas meyakini atau dipercayai bahawa orang yang dimaksudkan di dalam perintah asal tersebut berada di negeri tersebut. Kompeten yang dimaksudkan di sini adalah cekap, layak, dapat menjalankan tugas dgn sempurna atau juga berhak (berkuasa) melakukan atau memutuskan sesuatu.

Seterusnya, mahkamah negeri yang menerima perintah bersaling tersebut boleh mengendorskan perintah itu dan menyampaikan serta melaksanakan perintah tersebut seolah-olah ianya dikeluarkan oleh mahkamah negeri itu tanpa perlu melalui proses perbicaraan yang panjang. Sebagai contoh, Mahkamah Syariah Negeri Selangor telah mengeluarkan perintah nafkah anak yang mengarahkan supaya Defendan (bapa) membayar nafkah anak sebanyak RM300 sebulan untuk seorang anak. Defendan kemudiannya telah berpindah rumah dan bermastautin di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Plaintiff (ibu) telah mengalami kesukaran untuk menguatkuasakan perintah tersebut kerana Defendan telah berpindah ke tempat lain. Ini disebabkan kerana bidang kuasa Mahkamah Syariah Negeri Selangor hanya terpakai di dalam ruang lingkup Negeri Selangor Sahaja. Maka, sekiranya Plaintiff ingin menyalingkan perintah tersebut ke MSWP, beliau perlu terlebih dahulu membuat permohonan perintah bersaling di Mahkamah Syariah Negeri Selangor bagi tujuan pengendorsan. Setelah diluluskan permohonan tersebut, perintah bersaling itu perlu dibawa ke MSWP untuk diendorskan dan dilaksanakan seolah-olah perintah asal tersebut dikeluarkan oleh MSWP.

Pada asalnya, MSWP tidak dapat melaksanakan prosedur perintah bersaling mengikut arahan amalan ini kerana tiada peruntukan berkenaan tindakan bersaling di dalam Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 pada ketika arahan amalan tersebut dikeluarkan. Namun, setelah pindaan pada tahun 2016 berkenaan peruntukan tindakan bersaling dimasukkan, maka Wilayah Persekutuan boleh menjalankan proses perintah bersaling berpandukan kepada arahan amalan ini. Walaubagaimanapun, pemakaian Arahan Amalan No. 10 Tahun 2005 terhenti setakat tahun 2020 sahaja kerana ianya telah dibatalkan

dan digantikan dengan pemakaian Arahan Amalan No. 4 Tahun 2021 sekaligus menjadikan ianya sebagai arahan terkini berkaitan pelaksanaan perintah bersaling di Mahkamah Syariah.

### **Pemakaian Arahan Amalan No. 4 Tahun 2021**

Arahan Amalan No. 4 Tahun 2021 ini membincangkan berkenaan garis panduan permohonan dan pelaksanaan penyampaian tindakan bersaling bagi perintah dan penghakiman dalam kes mal. Arahan Amalan ini telah diputuskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahan Amalan Mahkamah Syariah seluruh Malaysia pada 26 – 27 Oktober 2021 di Swiss Garden Beach Resort, Kuantan, Pahang. Arahan Amalan ini menyebut bahawa ianya hendaklah dibaca bersama dengan Arahan Amalan No. 6 Tahun 2010 iaitu berkenaan “*Tambahan Kod Pendaftaran Kes*” manakala Arahan Amalan No. 10 Tahun 2005 di perenggan (ii), (iii) dan (iv) kecuali yang berkaitan dengan pengurusan saman dan waran serta Surat Pekeliling Ketua Pengarah JKSM No. Rujukan: JKSM.BPKR/100-41/10/2(6) bertarikh 30 Januari 2012 bertajuk “*Laporan KFA: Pelaksanaan Perintah Bersaling Khusus untuk Kes Mal*” adalah dibatalkan.

Berdasarkan kepada Arahan Amalan terbaru ini, terdapat beberapa perubahan jika dibandingkan dengan Arahan Amalan yang telah dibatalkan tersebut. Arahan Amalan tersebut menunjukkan berkenaan proses kerja bagi mahkamah yang mengeluarkan permohonan Perintah Bersaling dan mahkamah yang menerima permohonan Perintah Bersaling. Pemohon yang ingin membuat permohonan Perintah Bersaling boleh terus memfailkan permohonan tersebut di mahkamah yang kompeten menyampaikan dan melaksanakan perintah atau penghakiman tersebut kepada Defendan atau Responden yang berada atau diyakini berada di negeri tersebut. Ini bermakna Pemohon tidak lagi perlu hadir ke mahkamah yang mengeluarkan perintah asal untuk membuat permohonan Perintah Bersaling.

Hakim yang mendengar dan membicarakan kes tersebut hendaklah memastikan bahawa perintah asal yang dibentang di hadapannya adalah betul, dan Defendan atau Responden didapati berada di dalam bidang kuasanya dan juga terma dalam perintah asal tersebut adalah turut sama dalam bidang kuasanya. Jika hakim berpuas hati, permohonan tersebut boleh diluluskan dengan membuat pengendorsan serta tandangan ke atas Perintah Bersaling bersama-sama dengan Borang Pengendorsan Perintah Bersaling seperti mana yang dinyatakan di dalam Arahan Amalan tersebut.

Setelah itu, Pendaftar di mahkamah yang menerima permohonan perintah bersaling akan merekodkan butiran yang terdapat di dalam dokumen tersebut dan menyerahkannya kepada mahkamah yang mengeluarkan perintah asal, Pemohon atau Peguam Syarie Pemohon dan juga memastikan supaya penyampaian dokumen tersebut dibuat terhadap Defendan atau Responden yang berada di dalam negeri tersebut. Apabila mahkamah yang mengeluarkan perintah asal menerima dokumen-dokumen tersebut daripada mahkamah yang menerima permohonan perintah bersaling, dokumen tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam fail asal dan butirannya direkodkan dan kes tersebut dianggap telah selesai dengan status permohonan selesai diluluskan.

### **Rumusan**

Perintah bersaling merupakan instrumen penting dalam menjamin keberkesanan keputusan Mahkamah Syariah di seluruh Malaysia. Walaupun ia telah diperuntukkan dalam undang-undang dan diamalkan, pelaksanaannya masih memerlukan penambahbaikan dari aspek teknikal dan urusan pentadbiran. Kejayaan masa hadapan mekanisme ini bergantung pada komitmen untuk menyeragamkan Arahan Amalan di semua negeri dan memastikan agar ianya dapat dilaksanakan dengan baik dan lancar. Dengan pengurusan yang lebih cekap, Perintah



Bersaling akan memastikan hak pemohon terpelihara dan menaikkan kredibiliti sistem kehakiman Syariah di Malaysia.

## RUJUKAN

- <https://dictionary.cambridge.org/dictionary/english/reciprocal>. 10 Disember 2024.
- Istilah Undang-Undang*. Fourth Edition. 2003. Sweet & Maxwell Asia. hlm. 143.
- Kamus Dewan. “Definisi Perintah”. *Dewan Bahasa dan Pustaka*.  
<https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=perintah>. 10 Ogos 2024.
- Kamus Dewan. Edisi Keempat. 2005. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Maidatul Shireen Bt Mior Roslan lwn. Mohd Shahriza Bin Amir Sharifuddin* (Mahkamah Tinggi Syariah Wilayah Persekutuan, 11 Januari 2022)
- Mazni Abdul Wahab. 2016. “Arahan Amalan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia Di Mahkamah Syariah: Suatu Sorotan Literatur”. *Journal of Shariah Law Research*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya. Vol. 1. No. 2. Jul-Dec. hlm. 175.
- Mohd Radzali Masrun. 2001. “*Maksim dan Ungkapan Undang-undang*”. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka. hlm. 242.
- Sharifah Laila bte Syed Shamdin lwn. Abdul Latif bin Arshad* [1994] 9 JH (1) 11
- T.Syafawi bin T.Dalam lwn Asliaty binti Atim* [2021] 52 JH (1) 57
- Wilayah Persekutuan. 1984. *Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan)*. Seksyen 4.
- Wilayah Persekutuan. 1984. *Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Akta 303)*. Seksyen 2.
- Zaini Nasohah & Suwaid Tapah. 2001. *Analisis Pelaksanaan Prosiding Saman Penghutang Penghakiman Dalam Penguatkuasaan Perintah Pembayaran Nafkah: Kajian Kes Mahkamah Syariah Negeri Selangor*. UKM: Jurnal Undang-Undang & Masyarakat 15. hlm. 43.